



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	31/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	: 2
JABATAN	:	JMG		

Lima lagi insiden tanah runtuh direkodkan

SH 31.12.2021_2

KUALA LUMPUR - Lima lagi insiden tanah runtuh direkodkan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) pada Khamis menjadikan keseluruhan 126 kejadian tanah runtuh berlaku sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) 2021.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) menerusi kenyataan pada Khamis memaklumkan pertambahan lima kejadian tanah runtuh itu berlaku membabitkan Pahang (dua kes) Selangor (dua kes) dan Kuala Lumpur (satu kes).

Jumlah tersebut menjadikan keseluruhan insiden tanah runtuh yang berlaku di Selangor adalah 51 kes, Pahang (40), Negeri Sembilan (17), Kuala Lumpur (lapan), Sarawak (enam), Terengganu (tiga) dan Melaka (satu).

Dalam pada itu, menurut Nadma, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diarah mengenal pasti kaedah penyelesaian terbaik bagi

menempatkan penduduk yang perlu mengosongkan rumah sudah tidak selamat didiami berikutan tanah runtuh.

Susulan ramalan amaran hujan lebat berpanjangan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) yang dilanjutkan hingga Ahad, JPBN dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) diarah meningkatkan kesiapsiagaan bagi memastikan operasi pengurusan bencana berjalan lancar.

Menurut Nadma, Polis Diraja

Malaysia selaku komander Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) perlu menyelaras perediaan menghadapi banjir yang dijangka berlaku bersama semua agensi responder terlibat.

Susulan banjir yang dilaporkan mula berlaku di Sipitang, Sabah, semua agensi responder di negeri berkenaan turut diarah bersiap siaga untuk bertindak dan membuka PKTK.

Penduduk terutama di kawasan dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan

pihak berkuasa, selain boleh mendapatkan maklumat dan amaran semasa di laman web [publicinfo-banjir: water.gov.my](http://publicinfo-banjir.water.gov.my), Facebook: [PublicInfoBanjir](https://www.facebook.com/PublicInfoBanjir) dan twitter @ [JPS InfoBanjir](https://twitter.com/JPSInfoBanjir).

Sementara itu, Tenaga Nasional Bhd (TNB) Careline menerusi hantaran di Facebook memaklumkan bekalan elektrik di 852 kawasan yang terjejas banjir di Pahang, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan telah dipulihkan setakat jam 12 tengah hari Khamis. - *Bernama*

JADUAL WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:15	7:29	1:24	4:45	7:16	8:30
ALOR SETAR	6:15	7:27	1:24	4:45	7:16	8:31
PULAU PINANG	6:14	7:26	1:24	4:46	7:17	8:32
IPOH	6:10	7:21	1:22	4:44	7:17	8:31
KOTA BHARU	6:07	7:21	1:17	4:38	7:09	8:19
KUALA TERENGGANU	6:02	7:16	1:13	4:34	7:06	8:21
KUANTAN	5:59	7:13	1:13	4:36	7:11	8:25
KUALA LUMPUR - PUTRAJAYA	6:06	7:17	1:19	4:42	7:16	8:31
SHAH ALAM	6:06	7:16	1:19	4:42	7:16	8:31
SEREMBAN	6:02	7:16	1:17	4:41	7:16	8:30
BANDAR MELAKA	6:01	7:15	1:17	4:40	7:15	8:30
JOHOR BAHRU	5:54	7:07	1:10	4:34	7:10	8:25



Sebanyak 126 kejadian tanah runtuh telah dilaporkan berlaku sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) setakat tahun ini.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia